



15 FEB, 2023

Borang permohonan jualan Bazar Ramadan, Aidilfitri dibuka

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Borang permohonan jualan Bazar Ramadan, Aidilfitri dibuka

KUCHING: Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) akan mengadakan Bazar Ramadan dan Aidilfitri 2023 bertempat di tempat letak kereta Pusat Komersial Stutong dan Pasar Komuniti Stutong bermula 23 Mac sehingga 21 April 2023.

Katanya dalam satu kenyataan, orang ramai yang berminat untuk menyertai jualan Bazar Ramadan dan Aidilfitri 2023 boleh mengambil borang permohonan di One Stop Service Counter 9, Tingkat Bawah, Dewan Bandaraya Kuching Selatan, Jalan Padungan bermula kelmarin.

Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar pada atau sebelum 4.00 petang pada 24 Februari ini berserta bayaran deposit sebanyak RM100.

Permohonan yang dihantar selepas masa dan tarikh tersebut tidak akan dilayan.

Permohonan yang lengkap perlu disertakan sijil kursus pengendali makanan, dan salinan sijil vaksinasi Covid-19 serta telah menjalani pemeriksaan kesihatan dengan mendapatkan vaksinasi tifoid dan atas tanggungan kos sendiri.

Peniaga yang berjaya perlu membayar yuran sewa setiap gerai sebanyak RM250 untuk gerai Ramadan dan RM500 bagi gerai Aidilfitri kepada MBKS semasa tempoh bazar tersebut berlangsung.



15 FEB, 2023

Borang permohonan jualan Bazar Ramadan, Aidilfitri dibuka

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) akan mengadakan Bazar Ramadan dan Aidilfitri 2023 bertempat di tempat letak kereta Pusat Komersial Stutong dan Pasar Komuniti Stutong bermula 23 Mac sehingga 21 April 2023. Katanya dalam satu kenyataan, orang ramai yang berminat untuk menyertai jualan Bazar Ramadan dan Aidilfitri 2023 boleh mengambil borang permohonan di One Stop Service Counter 9, Tingkat Bawah, Dewan Bandaraya Kuching Selatan, Jalan Padungan bermula kelmarin.